

Al-Quran Lambang Keagungan Zaman

oleh : Almarhum Shaykh Munir Husin

Di zaman manusia sedang berlumba-lumba mencari berbagai-bagai kemajuan dengan berpandukan material kebendaan mereka telah hampir-hampir lupa kepada mutu ketinggian moral yang memperbezakan di antara kehidupan manusia dengan haiwan. Akhirnya kemajuan-kemajuan yang mereka cari itulah yang menjerumuskan mereka ke jurang kecelakaan dan kehancuran. Kehidupan mereka tak ubah seperti kehidupan haiwan yang sentiasa bercakar, berperang dan berbunuh-bunuhan di antara sesama sendiri. Selagi manusia meninggalkan ajaran-ajaran al-Qur'an yang diturunkan Allah, maka selama itulah mereka tidak akan mencapai kebahagiaan yang sebenarnya – Pengarang.

Terjemahan Abdullah Hashim

Tegasnya kuasa kesucian dan

Al-Qur'an Al-Karim :

Kalimah "al-Qur'an" dengan cara lisan – perkataan biasa – maksudnya ialah sebuah kitab suci Islam yang paling gemar dibaca orang. (Sama ada dari golongan orang muslimin sendiri mahu pun orang-orang yang bukan Islam – P) atau pun boleh dikatakan al-Qur'an itu ialah sebuah buku undang-undang Islam yang paling luas pembacaannya di seluruh dunia. Ia adalah sebuah kitab suci yang sentiasa memberi pertunjuk serta mengandungi hikmah dan ilmu pengetahuan yang berbagai bentuk dari segi keduniaan dan keakhiratan.

Dari segi bahasa ia mengandungi jumlah-jumlah kata yang bernilai, ringkas, indah yang mempunyai daya penarik yang menghidupkan pemikiran orang-orang yang mempercayainya. Orang-orang yang menurut ayat-ayat suci yang dibawa oleh al-Qur'an dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya tidak akan kecewa dan akan terus maju serta makmur di dalam segenap jurusan hidup.

keagungan kitab ketuhanan ini sangat berkesan ke dalam jiwa barang siapa sahaja yang sanggup menerima pengajaran-pengajarannya, sehingga ia dapat menukar corak hidup seseorang dari keadaan yang buruk menjadi baik.

Kalau kita perbandingkan isi kandungan al-Qur'an dengan buku-buku sejarah (terutama buku-buku sejarah dunia yang dikarang oleh orang-orang Barat - P). Banyak kita jumpai titik peristiwa yang tidak sesuai, kerana yang menurunkan al-Qur'an itu adalah Pencipta alam semesta.

Keagungan al-Qur'an adalah sangat luar biasa, ia boleh mempengaruhi jiwa seseorang, sanggup merubah cara hidup dan menukar iktikad kepercayaan sesuatu masyarakat dalam masa yang sebegitu singkat. Dengan perantaraan al-Qur'an agama Islam yang belum pernah dikenali oleh masyarakat manusia di seluruh dunia dapat mengembangkan sayapnya dalam masa 23 tahun sahaja.

Jelasnya al-Qur'an sanggup mengeluarkan seluruh masyarakat arab yang bertabiat kasar dan degil itu dari jurang kesesatan di zaman Jahili menjadi suatu umat yang bertamadun selepas mereka menerima cahaya-cahaya iman yang terpancar dari ayat suci yang terkandung di dalam al-Qur'an al-Karim dalam masa yang sebegitu pendek. Al-Qur'an berjaya memandu jiwa manusia yang bertabiat liar menjadi suatu bangsa yang bersopan santun. Al-Qur'an menjadi pemandu kepada manusia yang sesat, menjadi penawar kepada manusia yang sakit, menjadi pelopor kepada manusia yang mundur dan seterusnya menjadi penganjur kepada manusia yang berhajat kepada pemimpin. Tegasnya segala kemajuan yang dicapai oleh masyarakat manusia pada hari ini di dalam segala lapangan hidup sumbernya adalah berpunca dari ajaran al-Qur'an al-Karim yang telah disampaikan oleh Nabi Besar Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

Keagungan al-Qur'ān

Apa Kata Penulis-penulis Barat:

Mengenai keagungan al-Qur'ān Dewsih berkata: “al-Qur'ān itu adalah sebuah kitab agama yang dari panduannya menjayakan orang-orang Arab menakluki dunia. Perjuangan pahlawan-pahlawan Arab yang dipelopori oleh nabi mereka Muhammad adalah suatu perjuangan-perjuangan yang lebih agung dari perjuangan-perjuangan yang pernah dilancarkan oleh Zulkarnain (Alexander The Great), lebih gagah dari perjuangan-perjuangan pahlawan-pahlawan Romawi yang terpaksa berpuluh-puluh tahun lamanya mereka bergelimpang darah di medan pertempuran untuk menyudahi penaklukkannya. Tetapi dengan berpandukan ajaran-ajaran al-Qur'ān yang diturunkan kepada mereka, orang-orang Arab merempuh masuk ke sebahagian daripada negeri-negeri Eropah dengan membawa bersama-sama mereka cahaya tamadun dunia bagi menyulahi seluruh manusia yang hidup di jurang kejahilan yang gelap-gelita. Menerangkan kepada manusia tentang alam ghaib, tentang adanya neraka selepas manusia mati. Selain dari itu ajaran-ajaran yang dibawa oleh al-Qur'ān penuh padat dengan berbagai-bagai pengetahuan mengenai ilmu falsafah, ilmu perubatan, ilmu bintang, ilmu bahasa, ilmu sains dan berbagai-bagai ilmu lain yang menjadikan mereka lebih dahulu mencapai kemajuan, sedang kita pada masa itu jauh ketinggalan ke belakang yang menyebabkan kita terus menangis kerana kejatuhan Granada.”

Dela Vinesette:

Mengulas tentang al-Qur'ān, Dela Vinesette menulis: “al-Qur'ān itu adalah asas atau tiang suri yang

mengandungi kisah-kisah kejadian alam dunia dan alam akhirat. Ia merupakan sebuah buku undang-undang yang lengkap di samping merupakan sebuah kitab agama yang menerangkan keesaan Tuhan, mengajar hak-hak asasi manusia dengan memimpin mereka hidup di dalam suatu masyarakat yang berdasarkan saling cinta-mencintai di antara satu sama lain. Ini selain daripada mengajar mereka hidup di dalam sebuah dunia yang adil dengan jalan menunjukkan kepada mereka soal-soal keadilan secara *detail*. Atau dengan perkataan lain: al-Qur'ān adalah merupakan perlembagaan dan undang-undang orang Islam yang mana menjamin keselamatan hidup mereka di dunia dan menentukan kebahagiaan hidup mereka di akhirat”.

Dr Maurece:

Doktor Maurece salah seorang cerdik pandai bangsa Perancis pernah menulis: “al-Qur'ān itu boleh dianggap sebagai sebuah buku pelajaran sains oleh ahli-ahli sains, buku nahu oleh ahli-ahli bahasa, buku syair oleh para sasterawan dan buku panduan pencipta undang-undang oleh para hakim. Tiada sebuah buku pun yang dikarang oleh manusia yang dapat menandinginya walaupun satu bab daripadanya”.

Gouthe:

Gouthe seorang cerdik pandai dan ahli falsafah Jerman yang terkenal, setelah ia membaca isi kandungan al-Qur'ān berpendapat: “Jikalau inilah Islam, maka setiap orang yang berfikiran waras di kalangan kita, mahulah mereka menjadi seorang muslim”.

Von Gouthe:

Bercakap mengenai al-Qur'ān, Von Gouthe berkata: “al-Qur'ān itu bagaimana kerap kita mengulanginya (membacanya), pada mulanya agak membosankan, setelah itu menarik serta menakjubkan dan akhirnya membawa kita hormat dan takzim terhadapnya. Cara susunan bahasanya sekalimat demi sekalimat adalah mengikut isi dan tujuannya yaitu kukuh dan padat, gembira meruntun jiwa, dahsyat dan kadang-kadang mengerikan. Mutu pelajaran dan ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya adalah bernilai tinggi. Oleh itu kitab suci Islam ini akan terus dijadikan panduan hidup oleh orang-orang yang mengakui akan kebenarannya dari zaman berganti zaman. Ia mempunyai suatu kuasa, daya penarik yang paling kuat”.

Harry Gaylord Dorman:

Harry Gaylord Dorman pengarang buku “Towards Understanding Islam” pula berkata: “al-Qur'ān itu adalah sebuah buku yang penuh mengandungi penerangan-penerangan mengenai ketuhanan Yang Maha Esa dengan secara lisan. Ia diturunkan kepada Muhammad dengan perantaraan Jibril dengan rangkaian ayat-ayat yang tersusun rapi, penuh dengan kata-kata yang berhikmah dan pengajaran-pengajaran suci. Tiadalah manusia atau jin yang boleh mengarangnya walaupun satu surah daripadanya kerana mutu dan isinya yang luar biasa dan menakjubkan itu. Kisah-kisah yang terkandung di dalam al-Qur'ān selain daripada menceritakan sejarah kejadian-kejadian alam yang telah berlalu, ia dapat pula menganggarkan apa yang akan berlaku di masa hadapan dengan tepat.

Keagungan al-Qur'ān

Segala ini kandungannya yang bermutu itu tak mungkin Muhammad yang tidak tahu membaca dan menulis itu menyusun dan mengarang dengan sendiri”.

H.A.R. Gibb:

Pengarang buku “Muhammadanism” (Mohammedanism) Tuan H. A.R. Gibb telah berkata: “Sekiranya al-Qur'ān itu karangan Muhammad, sudah tentu orang lain boleh menentangnya, biar pun mereka menulis sepuluh ayat seperti, jika mereka boleh (tetapi sudah terang mereka tak berdaya), biarlah mereka terima bahawa al-Qur'ān itu ialah sebuah kitab yang bermutu tinggi lagi menakjubkan”.

Rev. G. Margoliouth:

Di dalam suatu ulasan pendeknya sambutannya mengenai “al-Qur'ān” karangan Rev. G. M. Rodwell (Rev. G. M. Rodwell) ia berkata: “al-Qur'ān” itu adalah sebuah kitab yang diakui bernilai di kalangan kitab-kitab agama, ia sebagai sebuah kitab yang teragung di dunia. Walaupun ia merupakan kitab yang paling terbaharu sekali di antara kitab-kitab agama yang lain. Ia telah menarik lebih daripada 500 *million* manusia mempercayainya. Ia telah menciptakan fikiran-fikiran manusia menuju ke arah pembaharuan hidup dan kesempurnaan akhlak”.

James A. Michener:

James A. Michener dalam buku karangannya: - “Islam the Misunderstood Religion” berkata: “al-Qur'ān itu adalah sebuah kitab agama yang sentiasa dihafaz orang, dan mempunyai daya penarik yang paling kuat kepada mereka yang mempercayainya. Ia diturunkan selepas tidak beberapa lama kitab Taurat ditulis dengan cara istimewa, Ia merupakan sebuah buku bercorak di antara puisi dan prosa, tetapi ia boleh mengkobarkan semangat keIslaman kepada pendengar-pendengar yang mempercayainya,

John Naish:

John Naish pengarang buku “The Wisdom of the Qurān” pernah berkata di dalam buku karangannya: “Al-Qur'ān dengan keaslian Arabnya telah merupakan sebuah kitab agama yang paling terkenal dan mempunyai daya penarik yang tersendiri. Kedudukan serta gayanya yang disanjung tinggi dengan ayat-ayatnya yang pendek tetapi padat dengan pengajaran-pengajaran yang meruntun jiwa mengandungi kuasa pertunjuk dan kekuatan penggembelangan yang sukar ditafsirkan dengan pengertiannya yang sebenarnya.”

Edward Montet:

Edward Montet pengarang buku ‘Traduction Francaise du Coran’ berkata: “Semua orang yang mengkaji al-Qur'ān di dalam bahasa Arab berpendapat, bahawa kitab agama Islam ini terpuji tentang keelokan bahasanya dan kemantapan isinya, dan jika ia diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa Eropah, maka tidaklah keelokannya itu mendapat sanjungan”.

Professor A.J. Arberry:

Professor A. J. Arberry di dalam pendahuluan bukunya “The Quran Interpreted” menulis sebagai berikut: “Seseorang pembaca itu tidak akan dapat memahami isi maksud al-Qur'ān dengan jelas, walau bagaimana bijak ia di dalam ilmu bahasa, jika ia hanya mengkaji satu bahagian sahaja dari keseluruhan isi al-Qur'ān kerana keadaan peraturan (susunannya) tidak mengikuti persambungan di antara satu ayat dengan satu ayat yang lain dengan secara teratur. Kejadian ini adalah disebabkan oleh penyusun-penyusun asalnya tidak begitu cekap mengatur. Susunan ayat-ayat yang diturunkan ini adalah menyesuaikan dengan keadaanya yang semula jadi. Banyak di antara bahagian-bahagian yang mengakui dan mengesahkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya yaitu seperti kitab Taurat dan Gospel (Gospel) – kitab-kitab agama Yahudi dan Kristian – keadaanya yang demikian adalah menurut sifat-sifat Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Tiap-tiap ayat ayat yang terkandung di dalamnya mempunyai tujuan maksudnya yang tersendiri, keseluruhan isi al-Qur'ān itu adalah merupakan satu hidayah atau pertunjuk yang tersendiri, pertunjuk yang sebenarnya. Jika hendak dikaji dengan sehalusnya adalah memerlukan masa dan tenaga yang amat banyak”.

Professor Philip K. Hitti:

Professor Philip K. Hitti pengarang buku: “History of Arab” berkata di dalam buku karangannya itu: “al-Qur'ān itu ialah perkataan Tuhan yang diperkatakan kepada malaikat jibril,

Keagungan al-Qur'ān

kemudian dibawanya turun dari langit yang ketujuh untuk dipersampaikan kepada Nabi Muhammad, bukan sahaja maksud ayat-ayatnya yang meruntun jiwa, tetapi setiap perkataan dan hurufnya juga menarik.

“Walaupun ia sebuah kitab suci yang terakhir diturunkan dari langit, tetapi ia merupakan kitab yang paling banyak dibaca orang dari kitab-kitab yang pernah ditulis. Sebab selain dari sebuah kitab yang paling ramai pembacanya ia juga menyebabkan semua orang Islam menaruh minat untuk mempelajari bahasa arab (yaitu bahasa al-Qur'ān -P) Keseluruhan ayat-ayatnya tidak terdaya diterjemahkan dengan setepat-tepatnya. Pendek kata al-Qur'ān itu adalah merupakan sebuah kitab panduan hidup dan sains. Kitab yang mengandungi berbagai-bagai aspek pelajaran dan ilmu pengetahuan. Tidakkah ada sebuah buku lain di dunia ini yang boleh mengikuti peredaran zaman seperti al-Qur'ān”.

Sir William Muir:

Tentang keagungan al-Qur'ān Sir William Muir menulis: “Al-Qur'ān adalah sebuah kitab suci teragung yang mempunyai kekuasaan dan daya penarik yang menakjubkan bagi membentuk jiwa seseorang manusia yang mempercayainya. Ia harus banyak dibaca dan difahami dengan lebih luas oleh orang-orang Barat”.

George Sale:

George Sale penulis buku “The Koran; The Preliminary Discourse” menulis di dalam

bukunya: “Al-Qur'ān ditulis dengan bahasa yang suci, lengkap, kemas dan sempurna di dalam bahasa Quraisy. Quraisy adalah sejenis kaum Arab yang dihormati. Segala isi dan gaya tulisan yang terkandung di dalam kitab suci ini tidak terpengaruh dan tertiru oleh mana-mana pena penulis manusia dan ia merupakan satu keajaiban yang lebih daripada keajaiban menghidupkan orang yang telah mati’.

Nabi Muhammad telah dengan rasminya mencabar sesiapa di antara ribuan penyair-penyair dan pujanga-pujangga Arab di zaman itu untuk menulis jumlah-jumlah kata yang berbentuk puisi atau prosa yang boleh menyamai atau menandingi jumlah-jumlah kata yang terkandung di dalam al-Qur'ān, walaupun satu surah daripadanya. Inilah dikemukakan satu contoh-contohnya:

“Lubid ibn Rabiah adalah salah seorang penyair arab yang paling teragung di zaman Rasulullah. Satu daripada syair-syairnya yang terkemuka dan diakui oleh penyair-penyair Arab yang lain telah digantungkan di hadapan muka pintu Kaabah, yaitu sebagai merupakan satu-satunya kehormatan yang diberikan kepada karya-karya yang terpuji. Penyair-penyair lain tidak terdaya menandingi ketinggian mutu syair yang digubah oleh Lubid penyair agung itu.

“Tetapi setelah sebahagian daripada ayat suci al-Qur'ān digantungkan di atasnya maka Lubid sendiri (pada ketika itu seorang kafir) telah tertarik hati dan tercengang sewaktu membaca susunan bahasanya yang teratur rapi dan mengandungi hikmah-hikmah yang

bermutu tinggi itu yang menyebabkan ia terpengaruh dan terus menganut agama Islam”.

Guru Nanak:

Seorang pengasas agama Sikh yang bernama “Guru Nanak” telah menulis mengenai al-Qur'ān, katanya: “Zaman Vedas dan Puranas (kedua-duanya nama kitab suci dalam agama Hindu) telah berlalu. Buat zaman sekarang hanya al-Qur'ān lah yang boleh merupakan pedoman hidup seluruh manusia di dunia”.

Laura Veccia Vagier:

Laura Veccia Vagier pengarang buku: “Apologie de l’Islamisme” menulis: “Keseluruhan kita dapati dari kandungan al-Qur'ān itu satu untaian “hikmah atau hidayah” yang mana boleh diikuti oleh cerdik pandai, orang-orang bijaksana yang yang¹ terdiri dari ahli-ahli falsafah yang teragung dan pakar-pakar politik yang terkemuka, kerana al-Qur'ān memang sudah terbukti akan kesucian dan kebenarannya Ia adalah merupakan sebuah kitab agama yang telah dipergunakan dari sejak zaman kelahirannya sehinggalah ke zaman moden ini Ia sentiasa dibaca oleh orang-orang Islam dan pembacaan itu selalu diulangi dari sejak zaman berzaman dengan tidak jemu-jemu. Malahan lebih banyak diulangi pembacaannya, maka lebih terpengaruhlah jiwa mereka untuk beramal dengan ajaran-ajarannya yang dibawanya. Setiap orang yang membaca dan mendengarnya merasa berbahagia dan menimbulkan ketenangan jiwa serta hormat kepadanya. Jadi undang-undang perlembagaan Islam adalah berpunca daripada ayat-ayat Tuhan

¹ Pengulangan perkataan yang.

Keagungan al-Qur'ān

terkandung di dalam al-Qur'ān yang keseluruhannya tidak memerlukan paksaan atau peperangan”.

Bosworth Smith:

Bosworth Smith pula memberikan pendapatnya yang berasingan: “Dari al-Qur'ān boleh terdapat suatu cahaya yang terang benderang untuk mengikuti liku-liku jalan menuju ke arah keislaman. Perang sabil juga dalil pertama yang menunjukkan kebenaran Islam mendirikan hak dan membela keadilan. Dunia yang sentiasa bergolak di zaman moden ini juga akan merapatkan penghuni-penghuninya mengatur tenaga kerjasama yang erat jika mereka mahu menuruti ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam dan al-Qur'ān yang dari sinaran cahayanya sahajalah boleh membawah harapan untuk

mencapai keamanan yang menuju kepada kebahagiaan hidup semua umat manusia”.

Napoleon Bonaparte

Akhir sekali seorang panglima perang Perancis yang terkenal “Napoleon Bonaparte” berkata: “Saya harap masanya tidak lama lagi akan tiba, apabila zaman mempersatu-padukan seluruh intelek-intelek dari berbagai-bagai bangsa dan negeri untuk mewujudkan sebuah pemerintahan yang berasaskan dari ajaran-ajaran al-Qur'ān, yang hanya dengan mempraktikkan ajaran-ajaran itulah sahaja yang boleh membawa kepada kebahagiaan hidup seluruh umat manusia sejagat lantaran kebenarannya”.

Patut sekali kitab yang sebegini agung dan besar pengaruhnya dibaca dan dikaji dengan lebih luas dan mendalam

oleh orang-orang Barat dan seluruh penduduk dunia yang kini sedang berlumba-lumba untuk mencapai kebahagiaan hidup di dalam sebuah naungan dunia yang aman dan damai. Hanya dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh kitab suci al-Qur'ān sahajalah pergolakan dan peperangan di antara bangsa dan negara dapat dihindarkan.


Al-Qur'ān dari sejak ia diturunkan kira-kira 14 abad yang lalu hingga ke hari ini sentiasa menyeru akan umat manusia yang terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum dan bangsa di maya pada ini hidup berbaik-baik, saling bersefahaman, bantu-membantu dan berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Ini ada ditegaskan oleh Tuhan di dalam *Sūrah al-Hujurāt* ayat (13) yang maksudnya: “Kami telah menjadikan kamu daripada jenis lelaki dan perempuan dan kami jadikan pula kamu berpuak-puak dan bersuku bangsa supaya kamu dapat berkenal-kenalan di antara satu sama lain”. Tegasnya dengan mengamalkan ajaran-ajaran al-Qur'ān lah yang membawa cahaya harapan untuk seluruh umat manusia mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Kata-kata Hikmah

Kesengsaraan itu pada hakikatnya bergantung kepada perbuatan kita sendiri. – (Anatole France).

* * *

Kiranya kamu meletakkan pedangmu yang terhunus di pangkal leherku, pada waktu aku sedang menyampaikan perintah Allah dan rasul-Nya, aku akan tetap terus juga berbicara menyampaikan, sekali pun pedangmu itu akan memutuskan batang leherku. – (Abu Zar al-Jufri)



Raja Faisal bin Abdul Aziz (kiri) sedang meraikan dua tetamu agung – yaitu Al-Malik Husin dari Jordan (tengah) dan Al-Malik Hasan yang Kedua dari Morocco (kanan) – di Istana Diraja Riyadh. (gambar dipetik dari Al-Nadwah).